

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 14 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PELEPASAN SEMENTARA DENGAN BON JAMINAN BAGI
ORANG KENA TANGKAP DAN BARANG-BARANG KES YANG DIRAMPAS DI
BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN YANG DISITA DI BAWAH
ENAKMEN MINERAL 2001**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 17 Tahun 2020 yang bersidang pada 19 Ogos 2020 melalui Kertas Bil. 17/2020/D 8 (8) telah membuat keputusan bersetuju meluluskan garis panduan pelepasan sementara dengan bon jaminan bagi orang kena tangkap dan barang-barang kes yang dirampas di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan yang disita di bawah Enakmen Mineral 2001.

2. Selaras dengan peruntukan seksyen 29 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593], subseksyen 426 (2) kanun Tanah Negara 1965 dan seksyen 140 Enakmen Mineral 2001, prosedur pelepasan sementara dengan bon jaminan bagi orang kena tangkap, barang-barang kes yang dirampas di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan yang disita di bawah Enakmen Mineral 2001 adalah seperti yang berikut:-

A. PROSEDUR PELEPASAN SEMENTARA DENGAN BON JAMINAN

Prosedur pelepasan sementara dengan bon jamin bagi orang yang ditangkap dan barang-barang kes yang dirampas/disita adalah seperti berikut:-

1. Jaminan Ke Atas Orang Kena Tangkap

- 1.1 Jamin mulut tidak dibenarkan ke atas orang yang ditangkap. Syarat-syarat penjamin adalah seperti yang berikut:
 - (a) seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);
 - (b) seorang warganegara Malaysia;
 - (c) jika orang yang ditangkap bukan seorang warganegara Malaysia, penjamin hendaklah dua (2) orang warganegara Malaysia;
 - (d) berkemampuan mengemukakan jumlah ikat jamin yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah;
 - (e) menandatangani bon jaminan; dan
 - (f) apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah.
- 1.2 Penjamin dan orang kena tangkap akan diterangkan syarat-syarat ikat jamin oleh Pegawai Penyiasat. Penjamin dan orang kena tangkap akan melaksanakan bon jaminan tersebut.
- 1.3 Peruntukan-peruntukan di perenggan 6 Kertas ini bagi tujuan kaedah bayaran bon jaminan hendaklah dipakai mutatis mutandis kepada jaminan ke atas orang kena tangkap di perenggan ini.

2. Kenderaan/Jentera/Traktor

- 2.1 Bagi barang-barang rampasan/sitaan kenderaan atau traktor/jentera yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), prosedur pelepasan sementara adalah sebagaimana yang berikut:

- (a) Pemilik berdaftar/ejen yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemilik hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (b) Jika permohonan dibuat oleh ejen yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemilik berdaftar, maka syarat yang hendaklah dipatuhi adalah sebagaimana yang berikut:
- (i) jika barang rampasan/sitaan didaftarkan atas nama individu, pengesahan oleh pemilik berdaftar melantik ejen tersebut sebagai wakil dirinya untuk membuat permohonan. Pengesahan tersebut hendaklah dibuat melalui surat bertulis dan surat akuan sumpah pemilik berdaftar.
- (ii) jika barang rampasan/sitaan didaftarkan atas nama syarikat, pengesahan oleh Pengarah Syarikat/Syarikat berdaftar melantik ejen tersebut sebagai wakil Syarikat untuk membuat permohonan. Pengesahan tersebut hendaklah dibuat melalui surat bertulis dan surat akuan sumpah Pengarah Syarikat/Syarikat.

- (c) Permohonan hanya boleh diproses sekiranya kenderaan atau jentera/traktor tersebut terlebih dahulu telah menjalani pemeriksaan kimia oleh Jabatan Kimia dan keputusan berkenaan telah diterima. Tiada sebarang rayuan boleh dipertimbangkan dalam hal ini memandangkan kenderaan atau jentera/traktor adalah merupakan barang kes yang berkemungkinan mempunyai nombor casis atau nombor enjin yang palsu atau telah diubahsuai.
- (d) Pegawai Penyiasat bagi kes tersebut akan menyediakan satu kertas cadangan untuk dipertimbangkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (e) Jika permohonan tersebut dipersetujui dan diluluskan, pemohon akan dimaklumkan secara bertulis oleh Pegawai Penyiasat berkenaan keputusan tersebut berserta dengan jumlah bon jaminan yang telah ditetapkan. Demikian juga sebaliknya jika permohonan tersebut ditolak.
- (f) Setelah menerima makluman tersebut, pemohon hendaklah hadir ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bersama dua (2) orang penjamin serta dokumen-dokumen yang berkaitan. Syarat-syarat untuk menjadi penjamin adalah ditetapkan sebagaimana berikut:

(i) seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);

(ii) seorang warganegara Malaysia;

(iii) memahami semua syarat yang telah ditetapkan; dan

(iv) beralamat tetap.

(g) Apabila hadir ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan, pemohon dikehendaki berjumpa dengan Pegawai Penyiasat berkenaan yang kemudian akan menyerahkan satu Borang Jaminan Mengemukakan Ekshibit untuk diisi dengan ditandatangani oleh pemohon dan dua (2) orang penjamin. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon adalah seperti berikut:

(i) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon;

(ii) Satu (1) salinan kad pengenalan setiap penjamin;

(iii) Satu (1) salinan hakmilik kenderaan/geran (dikemukakan bersama dokumen asal); dan

(iv) Surat kuasa wakil daripada pemilik berdaftar (jika kenderaan didaftarkan atas nama pemilik) dan surat kuasa wakil daripada syarikat sebagai ejen yang sah untuk membawa balik kenderaan (jika kenderaan milik syarikat).

- 2.2 Setelah Borang Jaminan Mengemukakan Ekhibit selesai diisi dan ditandatangani oleh pemohon dan penjamin, borang tersebut berserta dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah diserahkan kembali kepada Pegawai Penyiasat untuk tindakan selanjutnya iaitu mendapatkan kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Pentadbir Tanah.
- 2.3 Setelah itu, pemohon hendaklah membuat pembayaran bon jaminan di kaunter Bahagian Hasil PTG Kelantan sebagaimana kaedah yang telah ditetapkan di perenggan 6 Kertas ini.
- 2.4 Seterusnya Pegawai Penyiasat akan membawa pemohon tersebut ke stor penyimpanan barang kes untuk urusan pelepasan sementara. Semasa proses ini, Pegawai Penyiasat yang berkenaan perlu merujuk kepada perkara-perkara berikut untuk pengecaman dan pengesahan barang kes:
 - (a) Barang kes yang dipohon pelepasan sementara tersebut adalah sama dengan maklumat yang ada dalam permohonan bertulis oleh pemohon;
 - (b) Barang kes yang dipohon pelepasan sementara tersebut adalah sama dengan maklumat yang ada di dalam Senarai Barang Kes / Borang Bongkar yang telah ditandatangani oleh suspek/pemilik/ejen semasa rampasan dibuat pada hari kejadian;
 - (c) Maklumat berkaitan penandaan, *coding* dan keadaan (*condition*) barang kes yang ditulis di

barang kes hendaklah sama dengan maklumat yang diisi di dalam Buku Daftar Rekod Barang Kes;

- (d) Akuan Serah Menyerah Barang Kes hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penyiasat dan pemohon barang kes tersebut bagi mengelakkan terputusnya rantaian keterangan (*chain of evidence*); dan
- (e) Akuan Sumpah Pelepasan Sementara Barang Kes hendaklah ditandatangani oleh pemohon di hadapan seorang Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah.

2.5 Barang kes tersebut kemudian dilepaskan sementara kepada pemohon dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah difahami dan diakui oleh pemohon.

2.6 Segala kos, peralatan dan pengangkutan untuk membawa balik barang kes yang dilepaskan sementara tersebut adalah menjadi tanggungan sepenuhnya oleh pemohon dan tidak dipertanggungjawabkan kepada PTG Kelantan dan/atau Pejabat Tanah Jajahan di mana barang kes tersebut disimpan.

3. <u>Barang Rampasan/Sitaan Selain Daripada Kenderaan/Jentera/Traktor</u>

3.1 Bagi barang-barang rampasan/sitaan selain daripada kenderaan/jentera/traktor seperti pam air, peralatan melombong, peralatan pertanian dan lain-lain, prosedur

pelepasan sementara adalah sebagaimana yang berikut:

- (a) Pemilik barang/ejen yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemilik hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
- (b) Jika permohonan dibuat oleh ejen yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemilik, maka syarat yang hendaklah dipatuhi adalah sebagaimana yang berikut:
 - (i) jika barang rampasan/sitaan adalah milik individu, pengesahan oleh pemilik melantik ejen tersebut sebagai wakil dirinya untuk membuat permohonan. Pengesahan tersebut hendaklah dibuat melalui surat bertulis dan surat akuan sumpah pemilik barang.
 - (ii) jika barang rampasan/sitaan adalah milik syarikat, pengesahan oleh Pengarah Syarikat/Syarikat berdaftar melantik ejen tersebut sebagai wakil Syarikat untuk membuat permohonan. Pengesahan tersebut hendaklah dibuat melalui surat bertulis dan surat akuan sumpah Pengarah Syarikat/Syarikat.
- (c) Pegawai Penyiasat bagi kes tersebut akan menyediakan satu kertas cadangan untuk

dipertimbangkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.

- (d) Jika permohonan tersebut dipersetujui dan diluluskan, pemohon akan dimaklumkan secara bertulis oleh Pegawai Penyiasat berkenaan keputusan tersebut berserta dengan jumlah bon jaminan yang telah ditetapkan. Demikian juga sebaliknya jika permohonan tersebut ditolak.
- (e) Setelah menerima makluman tersebut, pemohon hendaklah hadir ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bersama dua (2) orang penjamin serta dokumen-dokumen yang berkaitan. Syarat-syarat untuk menjadi penjamin adalah ditetapkan sebagaimana berikut:
 - (i) seorang dewasa (berumur 18 tahun ke atas);
 - (ii) seorang warganegara Malaysia;
 - (iii) memahami semua syarat yang telah ditetapkan; dan
 - (iv) beralamat tetap.
- (f) Apabila hadir ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan, pemohon dikehendaki berjumpa dengan Pegawai Penyiasat berkenaan yang kemudiannya akan menyerahkan satu Borang Jaminan Mengemukakan Ekhibit untuk diisi dengan ditandatangani oleh pemohon dan dua (2) orang penjamin. Dokumen-dokumen

yang perlu dikemukakan oleh pemohon adalah seperti berikut:

- (i) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon;
- (ii) Satu (1) salinan kad pengenalan setiap penjamin;
- (iii) Satu (1) salinan bukti pemilikan barang; (dikemukakan bersama dokumen asal); dan
- (iv) Surat kuasa wakil daripada pemilik (jika barang milik pemilik individu) dan surat kuasa wakil daripada syarikat sebagai ejen yang sah untuk membawa balik barang (jika barang milik syarikat).

- 3.2 Setelah Borang Jaminan Mengemukakan Ekhibit selesai diisi dan ditandatangani oleh pemohon dan penjamin, borang tersebut berserta dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah diserahkan kembali kepada Pegawai Penyiasat untuk tindakan selanjutnya iaitu mendapatkan kelulusan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Pentadbir Tanah.
- 3.3 Setelah itu, pemohon hendaklah membuat pembayaran bon jaminan di kaunter Bahagian Hasil PTG Kelantan sebagaimana kaedah yang telah ditetapkan di perenggan 6 Kertas ini.
- 3.4 Seterusnya Pegawai Penyiasat akan membawa pemohon tersebut ke stor penyimpanan barang kes

untuk urusan pelepasan sementara. Semasa proses ini, Pegawai Penyiasat yang berkenaan perlu merujuk kepada perkara-perkara berikut untuk pengecaman dan pengesahan barang kes:

- (a) Barang kes yang dipohon pelepasan sementara tersebut adalah sama dengan maklumat yang ada dalam permohonan bertulis oleh pemohon;
- (b) Barang kes yang dipohon pelepasan sementara tersebut adalah sama dengan maklumat yang ada di dalam Senarai Barang Kes / Borang Bongkar yang telah ditandatangani oleh suspek/pemilik/ejen semasa rampasan dibuat pada hari kejadian;
- (c) Maklumat berkaitan penandaan, *coding* dan keadaan (*condition*) barang kes yang ditulis di barang kes hendaklah sama dengan maklumat yang diisi di dalam Buku Daftar Rekod Barang Kes;
- (d) Akuan Serah Menyerah Barang Kes hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penyiasat dan pemohon barang kes tersebut bagi mengelakkan terputusnya rantaian keterangan (*chain of evidence*); dan
- (e) Akuan Sumpah Pelepasan Sementara Barang Kes hendaklah ditandatangani oleh pemohon di hadapan seorang Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah.

- 3.5 Barang kes tersebut kemudiannya dilepaskan sementara kepada pemohon dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah difahami dan diakui oleh pemohon;
- 3.6 Segala kos, peralatan dan pengangkutan untuk membawa balik barang kes yang dilepaskan sementara tersebut adalah menjadi tanggungan sepenuhnya oleh pemohon dan tidak dipertanggungjawabkan kepada PTG Kelantan dan/atau Pejabat Tanah Jajahan di mana barang kes tersebut disimpan.

B. KADAR BON JAMINAN ORANG YANG DITANGKAP DAN BARANG KES

1. Berikut dicadangkan tiga (3) kadar bon jaminan bagi orang kena tangkap, barang kes kenderaan dan barang kes selain daripada kenderaan ditetapkan seperti yang berikut:
 - 1.1 Bagi orang kena tangkap, jumlah bayaran bon jaminan bolehlah dikenakan tidak kurang daripada RM 10,000.00 seorang dan tidak melebihi 10% daripada denda maksimum bagi kesalahan yang dilakukan.
 - 1.2 Bagi barang kes kenderaan/jentera/traktor yang beroda empat (4) ke atas, jumlah bon jaminan minima adalah tidak kurang daripada RM 10,000.00 dan tidak melebihi 50% daripada harga nilai semasa kenderaan tersebut. Nilaian dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

1.3 Bagi barang kes selain daripada kenderaan/jentera/traktor, jumlah bon jaminan adalah tertakluk kepada budi bicara Pentadbir Tanah dan tidak melebihi 50% daripada harga nilai semasa barang tersebut. Nilaian dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

C. KAEDAH PEMBAYARAN BON JAMINAN/BENTUK CAGARAN

1. Kaedah pembayaran bon jaminan adalah dalam bentuk sebagaimana yang berikut:
 - 1.1 Tunai; atau
 - 1.2 Sijil/Buku Akaun Simpanan Tetap (*Fixed Deposit Account*); atau
 - 1.3 Sijil/Buku Akaun Simpanan tanpa kad; atau
 - 1.4 Sijil/Buku Akaun Simpanan dengan kad diserahkan; atau
 - 1.5 Geran tanah
 - a) Satu geran tanah hanya boleh digunakan sebagai cagaran bagi satu kes sahaja;
 - b) Geran tanah yang ada kaveat tidak boleh diterima;
 - c) Bagi geran tanah yang didaftarkan sebagai hakmilik bersama, semua penama yang berhak ke atas tanah tersebut hendaklah memberi persetujuan untuk menjadikan tanah tersebut sebagai cagaran;
 - d) Laporan atau surat penilaian harta tanah hendaklah dikemukakan oleh pemilik tanah bagi menentukan

nilaian tanah yang dicagarkan mencukupi atau menyamai jumlah bon jaminan yang ditawarkan;

- e) Pemilik hendaklah mengisi dan menandatangani Borang 12A di bawah Seksyen 197 KTN (Permohonan Untuk Penyerahan Balik Tanah) atau Borang 14A bagi tujuan pindahmilik kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan selaku pemegang aset tidak alih bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan mengikut mana yang difikirkan sesuai pada masa itu oleh Pentadbir Tanah/Pengarah Tanah dan Galian Kelantan;
- f) Borang 12A/14A hendaklah juga dikembarkan bersama surat Akuan Sumpah yang menyatakan tanah itu diserah bagi tujuan jaminan dan bersetuju tanah ini diserahkan kepada Kerajaan Negeri melalui borang-borang yang telah ditandatangani jika pemilik gagal menyerahkan kembali barang yang dirampas/disita kepada Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan apabila diarahkan sedemikian; dan
- g) Sekiranya pemilik enggan untuk mengisi dan menandatangani Borang 12A ini, maka permohonan untuk melepaskan sementara barang kes tidak dapat diproses dan tiada rayuan mengenai perkara ini dibenarkan.

3. Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri, dan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan.



.....
**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K(Kelantan), K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.**

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH: 6 OKTOBER 2020
NO. FAIL : PTG.KN.18/7/2**